



*Rajut Agama
dan Budaya*

Rajut Agama dan Budaya

Penyunting

**SAIDATUL NORNIS HJ. MAHALI
ASMIATY AMAT**

PENERBIT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Kota Kinabalu • Sabah • Malaysia

<http://www.ums.edu.my>

2016

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

© Universiti Malaysia Sabah, 2016

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sabah, kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Akta 332, Akta Hak Cipta 1987. Keizinan adalah tertakluk kepada pembayaran royalti atau honorarium.

Segala kesahihan maklumat yang terdapat dalam buku ini tidak semestinya mewakili atau menggambarkan pendirian mahupun pendapat Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Pembaca atau pengguna buku ini perlu berusaha sendiri untuk mendapatkan maklumat yang tepat sebelum menggunakan sebarang maklumat yang terkandung di dalamnya. Pandangan yang terdapat dalam buku ini merupakan pandangan ataupun pendapat penulis dan tidak semestinya menunjukkan pendapat atau polisi Universiti Malaysia Sabah. Penerbit Universiti Malaysia Sabah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah mahupun kesulitan yang timbul, sama ada secara menyeluruh atau sebahagian, yang diakibatkan oleh penggunaan atau kebergantungan pembaca terhadap kandungan buku ini.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Rajut Agama dan Budaya / Penyunting SAIDATUL NORNIS HJ.

MAHALI, ASMIATY AMAT.

ISBN 978-967-0521-64-0

1. Religion and culture--Malaysia.

2. Culture. I. Saidatul Nornis Haji Mahali, 1969-.

II. Asmiaty Amat, 1971-.

201.7

Muka taip teks:

Cambria

Saiz taip teks dan *leading*: 11/13.2 poin

Diterbitkan oleh:

Penerbit Universiti Malaysia Sabah

Tingkat Bawah, Perpustakaan

Universiti Malaysia Sabah

Jalan UMS

88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Dicetak oleh:

Percetakan Keningau Sdn Bhd (639321H)

Lot 26, Phase 1, Hsk Industrial Centre, Km 8,

Jalan Penampang, 88300 Kota Kinabalu, Sabah.

KANDUNGAN

Senarai Rajah	vi	
Senarai Jadual	vi	
Prakata	vii	
Pendahuluan	viii	
BAB 1	Praktik Budaya dan Status: Kajian Kes Masyarakat Kedayan di Sarawak	1
	<i>Mohamad Suhaidi Salleh</i>	
BAB 2	Kepercayaan dan Pengaruh <i>Kitupeng</i> dalam Masyarakat Bidayuh	21
	<i>Nur Ardini Jian Abdullah @ Elmie Jian & Hamidah Abdul Wahab</i>	
BAB 3	Perkahwinan Masyarakat Melayu Kedah di Kampung Seri Kedah, Sekinchan, Selangor: Adat dan Agama	35
	<i>Norhuda Salleh</i>	
BAB 4	Adat Kelahiran Komuniti Jawa: Tinjauan di Kampung Jawa Dua, Sandakan, Sabah	51
	<i>Aisah Hossin, Nurulaisyah Rosli, Norhuda Salleh, Ahmad Tarmizi Abd. Rahman & Budi Anto Tamring</i>	
BAB 5	Puisi Melayu sebagai Pengungkap Ajaran dan Kebaikan Islam serta Peranannya dalam Membina Keharmonian dan Kesejahteraan Masyarakat	69
	<i>Samsina Abd. Rahman</i>	
BAB 6	Nilai Keislaman dalam Novel <i>Di Sebalik Sebuah Kubah dan Hidayah</i> Karya Harun Haji Salleh	95
	<i>Asmiaty Amat & Tuan Sanira Mohd Zawawi</i>	
BAB 7	Wacana Islam dan Masyarakat dalam Novel <i>Imam</i> oleh SN Abdullah Hussain	115
	<i>Norhayati Ab. Rahman</i>	
BAB 8	<i>Doa Padi</i> sebagai Genre Lisan Bajau: Satu Penerokaan Awal	135
	<i>Saidatul Nornis Hj. Mahali</i>	
BAB 9	Analisis Tautan Perulangan dalam Lirik Lagu Rohani	153
	<i>Alice Alim</i>	
BAB 10	<i>Datuk Kung</i> dan <i>Guan Yin</i>, <i>Ong</i> dan <i>Huat</i>: Satu Kajian terhadap Leksikal Bahasa yang Mempunyai Unsur Agama Cina	173
	<i>Lau Yoke Lian</i>	
Kesimpulan	183	
Rujukan	187	
Indeks	195	

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
2.1	<i>Kitupeng</i>	25
2.2	Topeng dan duri ijuk yang digunakan dalam penjelmaan <i>kitupeng</i>	26
2.3	<i>Kitupeng</i> menari bersama-sama penduduk kampung	29
3.1	Adat membatalkan air sembahyang	45
3.2	Pengantin bersanding di pelamin	47
4.1	Berzanji dan bercukur	64
4.2	Adat menimbang bayi pada bulan Safar	65
9.1	Jumlah tautan dalam lirik	167

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
9.1	Tautan dan subjenisnya	157
9.2	Tautan perulangan	158
9.3	Hasil analisis data	159

PRAKATA

Secara mata kasar, sukar untuk memahami hubungan antara agama dan budaya. Kedua-duanya menekankan makna dan signifikannya sesuatu tindakan. Oleh itu, perbincangan terhadap kedua-dua aspek itu saling terikat dan berikat. Walaupun tidak dapat disamakan, agama dan budaya itu saling mempengaruhi malah, tidak terdapat satu pun kebudayaan yang didasarkan kepada agama semata-mata dan sebaliknya. Agama mampu mempengaruhi sistem kepercayaan serta amalan-amalan dalam kehidupan penganutnya. Demikian sebaliknya, budaya juga berupaya mempengaruhi agama, khususnya dalam hal-hal yang melibatkan tafsiran terhadap suatu ritual keagamaan. Justeru, budaya – agama akan terus tumbuh dan berkembang seiring dengan perkembangan sejarah daripada kehidupan penganutnya.

Hubungan budaya dan agama tidak saling merosakkan antara satu sama lain sebaliknya, kedua-dua inti itu saling mendukung dan mempengaruhi. Rajutan kuat antara kedua-duanya mencetuskan paradigma yang menyatakan bahawa *manusia beragama pasti berbudaya tetapi, manusia yang berbudaya belum tentu beragama*. Memandangkan begitu kuatnya ikatan antara agama dan budaya maka, tercetus usul agar satu persidangan yang membincangkan tentangnya diadakan secara terbuka. Fokus diskusi dalam persidangan itu tidak dihadkan malah, diskusi sangat terbuka, yakni melibatkan aspek-aspek keagamaan tulen, pembangunan, sosiobudaya, ekonomi, arkitektur, bahasa dan pelbagai dimensi lain dalam kehidupan yang menghubungkan aspek agama dan budaya. Daripada sekian banyak kertas kerja yang telah dibentang maka, sepuluh makalah ini terpilih untuk dijadikan bahan paparan dalam buku. Kesemua makalah memerihai suatu perbincangan yang luas dan terbuka sifatnya tetapi, pastilah berkait sama ada secara langsung atau sebaliknya, dengan fokus agama dan budaya. Semoga bahan-bahan berkenaan mampu meluaskan pengetahuan dan dapat dijadikan sumber rujukan pada masa mendatang.

SAIDATUL NORNIS HJ. MAHALI
ASMIATY AMAT

Universiti Malaysia Sabah

2016

PENDAHULUAN

Menyedari bahawa budaya itu merupakan satu topik yang luas sifatnya maka, diusahakan satu dokumentasi bersifat rentas bidang. Langkah ini bertujuan agar para pembaca dapat menyemak hubung kait antara agama dengan budaya yang merangkumi aspek susastera, bahasa dan amalan-amalan kebudayaan masyarakat tempatan di Malaysia.

Agama dan budaya berada dalam konteks berbeza dan ditanggapi juga dengan cara berbeza. Budaya menurut Koentjaraningrat (1990:180) adalah keseluruhan sistem, gagasan, tindakan dan hasil kerja manusia dalam rangka kehidupan yang dijadikan milik manusia dengan kaedah pembelajaran. Memandangkan budaya diperoleh melalui pembelajaran maka, tindakan-tindakan seperti cara makan, minum, berpakaian, bercakap atau berbual, bertani dan bertukang dipelajari secara tidak langsung dan ia pasti berkait langsung dengan budaya masyarakat pendukung. Kebudayaan pula tidak sahaja terangkum dalam aspek teknikal tetapi juga dalam gagasan yang terdapat dalam fikiran yang kemudiannya diluahkan ke dalam bentuk-bentuk seni, tatanan masyarakat, etos kerja dan pandangan hidup.

Wach (1984:187) berpendapat bahawa pengaruh agama terhadap budaya manusia diletakkan sebagai hubungan kolektif antara manusia dan mitologi agama yang bergantung kepada pemikiran terhadap Tuhan, interaksi sosial dan keagamaan berpola kepada cara manusia memikirkan Tuhan, menghayati dan membayangkan Tuhan. Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan bahawa budaya yang digerakkan oleh agama timbul daripada proses interaksi manusia dengan kitab yang diyakini sebagai hasil daya kreatif penganut sesuatu agama. Bahkan, ia juga disebabkan oleh konteks hidup pelakunya, yakni atas faktor geografi, budaya dan situasi yang subjektif sifatnya seperti tiadanya jawapan pasti terhadap hal yang berlaku di sekitaran manusia menyebabkan mereka mengaitkannya dengan agama.

Namun demikian, faktor utama bagi semua agama adalah agama berfungsi sebagai alat pengatur, sekali gus dibudayakan dalam konteks yang dipercayai dalam bentuk-bentuk budaya, iaitu dalam bentuk etis, seni bangunan, struktur masyarakat, adat istiadat dan lain-lain. Hal sedemikian menyebabkan lahirnya pluralisme budaya berdasarkan kriteria agama. Perkara ini terjadi kerana manusia sebagai makhluk homoreligiosus merupakan insan yang berbudi daya dan mampu berkeaktiviti dengan kebebasan mencipta pelbagai objek dan membina tata nilai baharu berdasarkan inspirasi agama.

Sehubungan itu, buku ini membawakan judul '*Rajut Agama dan Budaya*' yang menggalur dan menyatukan perbincangan dalam acuan agama dan budaya. Kata rajut dipilih kerana merujuk kepada sifat jalinan, jaringan atau sifat selirat sesuatu bahan yang digabung atau tergabung. *Kamus Dewan* (1997:1090) meletakkan definisi bagi kata rajut sebagai 1. Jala-jala, jaring-jaring; 2. Siratan benang yang berupa jaring untuk membuat pundi-pundi (yang dipakai pada sanggul); 3. Pundi-pundi (pura, kantung) yang dibuat daripada siratan benang (rami dan lain-lain). Justeru demikian definisi yang diberikan maka, kata berkenaan difikirkan layak dan mampu mengungkap serta mengangkat keterikatan antara agama dan tiga bidang yang direntasnya, iaitu susastera, bahasa dan amalan-amalan dalam kebudayaan itu sendiri.

Tema yang dicakup oleh buku ini adalah tentang perkaitan antara agama dan budaya, agama dan kesusasteraan, serta agama dan bahasa. Terdapat sepuluh buah makalah yang termuat dalam buku ini yang diringkaskan sebagaimana berikut. Bab awal dimulakan dengan makalah yang ditulis oleh Mohamad Suhaidi Salleh yang berjudul '*Praktik Budaya dan Status: Kajian Kes Masyarakat Kedayan di Sarawak*' membincangkan hubungan nilai keagamaan dan kesepaduan yang terhasil melalui amalan kebudayaan masyarakat Kedayan di Sarawak. Kajian yang dilakukan di daerah Sibuti, Sarawak mempertautkan praktik budaya yang diamalkan oleh kelompok Kedayan sebagai salah satu simbol kebudayaan dan keagamaan yang penting. Penulis memanfaatkan pemerhatian turut serta menggunakan konsep 'status' yang diutarakan oleh Max Weber

mendapati bahawa status bukan hanya ditentukan oleh kriteria objektif seperti pemilikan punca pengeluaran dan pendapatan. Malahan, konsep 'status' turut dipengaruhi oleh peranan yang dimainkan dalam masyarakat. Penulis turut menjelaskan bahawa tindakan seseorang untuk mengetuai praktik budaya boleh mengangkat status individu daripada 'orang biasa' kepada 'paling dihormati' dalam masyarakat.

Bab kedua ditulis oleh Nur Ardini Jian Abdullah @ Elmie Jian dan Hamidah Abdul Wahab adalah berkenaan 'Kepercayaan dan Pengaruh *Kitupeng* dalam Masyarakat Bidayuh.' Penulis menggunakan masyarakat Bidayuh di kawasan Bukar-Sadong yang majoritinya menganut agama Kristian, Islam dan Buddha. Mereka mendapati bahawa walaupun agama telah mendominasi masyarakat tersebut, pengaruh budaya lama masih diamalkan oleh masyarakat seperti *Kitupeng*. Kepercayaan terhadap *Kitupeng* yang berasal daripada cerita tradisi lisan masyarakat Bidayuh menjadikan masyarakat menzahirkannya dalam bentuk jelmaan atau penyamaran, iaitu berbentuk hantu *bumbo* (sejenis hantu hutan). Kaedah penyamaran yang digunakan oleh orang tua-tua pada masa dahulu untuk memberi pengajaran dan nasihat kepada anak-anak kecil supaya mereka tidak melakukan sesuatu perkara yang dilarang. Penulis turut menjelaskan bahawa masyarakat mempercayai duri-duri mayang yang ada pada badan *Kitupeng* jelmaan boleh menjadi satu kaedah perawatan penyakit khasnya yang menimpa anak-anak kecil.

Bab ketiga pula berjudul 'Perkahwinan Masyarakat Melayu Kedah di Kampung Seri Kedah, Sekinchan, Selangor: Adat dan Agama' yang diteliti oleh Norhuda Salleh memerihalkan tentang masyarakat Melayu Kedah di Kampung Seri Kedah, Sekinchan Selangor, yang masih mengamalkan adat perkahwinan tradisional yang diwarisi daripada generasi terdahulu. Walau bagaimanapun, adat yang bercanggah dengan ajaran Islam telah mula ditinggalkan. Terdapat empat peringkat pengamalan adat namun, penulis hanya memfokuskan kepada peringkat, iaitu adat berinai, akad nikah dan adat bersanding. Makalah ini membincangkan cara adat dan agama Islam telah melalui proses pembauran. Namun, penyatuan

ini dianggap penulis telah membentuk budaya berpaksikan agama Islam dalam masyarakat Melayu Kedah di kawasan kajian. Konsep adat bersendi syarak, syarak bersendi kitab Allah, dipraktikkan dalam setiap tingkat adat perkahwinan yang masih diamalkan sehingga hari ini.

Bab empat berkenaan adat kelahiran yang disumbangkan oleh Aisah Hossin, Nurulaisyah Rosli, Norhuda Salleh, Ahmad Tarmizi Abd. Rahman dan Budi Anto Tamring. Bab ini berjudul 'Adat Kelahiran Komuniti Jawa: Tinjauan di Kampung Jawa Dua, Sandakan, Sabah' memerihalkan cara komuniti Jawa di kawasan kajian melangsungkan tradisi adat kelahiran. Penulis telah mengenal pasti beberapa perubahan yang berlaku dalam amalan tersebut disebabkan oleh beberapa faktor seperti migrasi dan perkahwinan campur.

Samsina Abd. Rahman menulis tentang 'Puisi Melayu Sebagai Pengungkap Ajaran dan Kebaikan Islam serta Peranannya dalam Membina Keharmonian dan Kesejahteraan Masyarakat' merupakan penyumbang untuk bab kelima. Tulisan tersebut menjelaskan bahawa puisi Melayu tidak kira tradisional mahupun yang moden (sajak), sering dijadikan wadah pengungkap pemikiran dan perasaan pemuisinya. Malah, puisi Melayu turut berperanan mempersembahkan segala bentuk pengajaran dan kebaikan dalam kehidupan bermasyarakat melalui nilai-nilai mulia yang wajar dijadikan pegangan dan contoh teladan. Di samping itu, perbuatan keji dan mungkar yang ditonjolkan melalui puisi perlu di jauhi. Beberapa contoh puisi seperti *Gurindam 12* dan *Syair Siti Sianah*, pantun-pantun keagamaan, puisi Islam menggambarkan akhlak yang perlu dipatuhi, amalan-amalan dan persoalan rukun Islam, rukun iman dan aspek-aspek kehidupan lainnya yang perlu berlandaskan ajaran-ajaran dan syariat Islam, demi memperoleh kebahagiaan dan kesejahteraan dalam kehidupan di dunia dan akhirat. Tegasnya, penulis menyatakan peri pentingnya genre puisi Melayu (tradisional dan moden) sebagai pengungkap ajaran-ajaran dan kebaikan agama Islam demi membina kesejahteraan hidup bermasyarakat meski dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum dan keturunan seperti di Malaysia.

Bab enam pula ditulis oleh Asmiaty Amat dan Tuan Sanira Zawawi. Melalui kajian terhadap novel *Hidayah* dan *Dari Sebuah Kubah*, penulis menjelaskan bagaimana nilai-nilai Islam ditonjolkan oleh penulis dalam membentuk citra masyarakat yang bertakwa dan berakhlak mulia. Penulis menggunakan Gagasan Persuratan Melayu Baru menjelaskan bahawa kedua-dua novel telah berjaya menonjolkan akhlak mulia dalam usaha dakwah dan penonjolan sifat-sifat Muslim sejati dalam karya.

Bab ketujuh berupa kajian terhadap teks novel turut disumbangkan oleh Norhayati Ab. Rahman yang membicarakan tentang konsep dan falsafah 'Sastera Islam.' Melalui tulisan tersebut, Norhayati memberi garis panduan tentang sastera Islam dan menjadikan novel Imam oleh SN Abdullah Hussain sebagai satu model karya Islam yang baik. Bagi penulis, Islam dan masyarakat merupakan subjek teras, serta penting untuk diketengahkan dalam seluruh cara hidup, termasuk dalam penulisan karya-karya sastera sebagai warisan budaya tinggi, sekali gus melambangkan ketamadunan bangsa. Malah, dalam syariat Islam sendiri jelas menekankan dua aspek penting kepada umatnya, iaitu hubungan vertikal antara manusia dengan Tuhan (*habluminallah*) dan hubungan horizontal antara manusia dengan manusia (*habluminanas*). Perbincangan ini akan memperlihatkan bagaimana novel memperlihatkan kepentingan wacana Islam dan masyarakat dalam karya sastera Melayu.

Saidatul Nornis Hj. Mahali menulis tentang kepercayaan orang Bajau terhadap semangat padi yang membentuk bab kelapan. Masyarakat Bajau bukan sahaja percaya bahawa mereka perlu menghormati padi sebagai sumber makanan tetapi mereka turut percaya bahawa padi mempunyai semangat dan perlu memelihara hubungan dengan semangat berkenaan. Oleh hal yang demikian, dalam usaha untuk menambahkan kesuburan tanah dan menambahkan kuantiti tuaian padi, penghormatan perlu dipraktikkan semasa proses penanaman dan penuaian padi. Justeru, terdapat beberapa bentuk bacaan yang dikenali sebagai *doa* padi yang diamalkan oleh para petani Bajau. Penulis telah meneliti kandungan genre lisan melalui *doa* padi yang diamalkan dalam kalangan petani

Bajau, khususnya di daerah Kota Belud, Sabah. Penulis menunjukkan bagaimana doa lisan berkenaan memperlihatkan perbauran antara anutan agama dan kepercayaan mereka. Melalui tulisan ini penulis turut memperlihatkan bagaimana ikatan antara bahasa, agama dan salah satu aspek dalam budaya, yakni kepercayaan dalam usaha petani Bajau menjadikan *doa* padi sebagai satu usaha untuk memakmurkan pertumbuhan padi.

Seterusnya bab kesembilan, berjudul 'Analisis Tautan Perulangan dalam Lirik Lagu Rohani' yang disumbang oleh Alice Alim memperincikan hubungan unsur linguistik dalam teks rohani yang dipilih. Unsur linguistik yang dipilih adalah berkenaan hubungan antara ayat ataupun dalam ayat yang dinamakan sebagai tautan dan hubungan yang dimaksudkan ini boleh bersifat formal ataupun semantik. Hubungan ataupun perkaitan ini melibatkan peranti tautan, iaitu perkaitan yang wujud antara unit baris (UB) atau boleh juga dikatakan sebagai tautan yang terdapat dalam sesuatu teks. Penulis memberi tumpuan terhadap analisis tautan Perulangan yang membahagikannya kepada tiga jenis tautan, iaitu tautan perulangan, tautan kolokasi dan tautan penghubung ayat. Tautan tersebut telah diaplikasikan ke atas lirik lagu yang dipilih, iaitu lagu-lagu yang berunsur lagu rohani yang dinyanyikan dalam upacara atau aktiviti dalam gereja (agama Kristian secara amnya). Sebanyak lima buah lirik dipilih untuk dianalisis menggunakan Model Tautan Pindaan.

Bab sepuluh pula berjudul '*Datuk Kung* dan *Guan Yin, Ong* dan *Huat*: Satu Kajian Terhadap Leksikal Bahasa yang Mempunyai Unsur Agama Cina' ditulis oleh Lau Yoke Lian. Menurut penulis, '*Datuk Kung*' dan '*Guan Yin*' merupakan dua jenis dewa yang dianuti dan dipuja oleh sebahagian orang Cina di Malaysia. '*Datuk Kung*' itu merupakan dewa yang pada awalnya dianuti oleh sebahagian penduduk Cina di Malaya semasa mereka masih mengamalkan kepercayaan animisme. Setelah masyarakat mengenal agama Islam dan Kristian, ramai orang Cina di Malaysia telah mengambil alih untuk memuja '*Datuk Kung*.' '*Guan Yin*' pula ialah seorang puteri India yang telah menganuti agama Buddha dan selepas mengalami proses perkembangan yang panjang, '*Guan Yin*' ini menjadi salah satu dewi yang dipuja oleh sebilangan masyarakat Cina di Sabah

dan dijadikan simbol dalam kehidupan mereka. Dewi yang pada asalnya seorang puteri India menjadi satu simbol yang disanjung tinggi setelah mengalami proses asimilasi yang panjang.

Penyunting berharap agar semua perbincangan dalam bab-bab berkenaan dapat dimanfaatkan oleh para pembaca, dalam usaha untuk memahami ikatan ilmu yang terkandung antara agama dengan bahasa, sastera, budaya ilmu. Cakupan ilmu yang luas ini perlu difahami sebaiknya agar dapat dimanfaatkan oleh manusia sebagai pencari ilmu.

RUJUKAN

- Kamus Dewan. (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
Wach, Jajachim. (1984). *Ilmu perbandingan agama*. Jakarta: CV Rajawali.
Koentjaraningrat. (1990). *Pengantar ilmu antropologi*. Jakarta: PT Rineka Cipta.